

Ucapan Aluan

Yang Berbahagia

Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

sempena

**MAJLIS PELANCARAN PEMBUKAAN SEMULA PENDAFTARAN
KONTRAKTOR G1 (BUMIPUTERA) DAN CABUTAN UNDI**

Resorts World Langkawi, Kedah

17 November 2019 (Ahad)

Para tetamu kehormat,
Wakil-wakil media,
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama meraikan Majlis Pelancaran Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) dan Cabutan Undi pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), saya ingin mengucapkan terima kasih kepada hadirin sekalian, terutamanya kepada tetamu kehormat kita Yang Berbahagia Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita sekaligus melancarkan majlis pada hari ini.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) kerana sudi bekerja sama dengan CIDB Malaysia. Sememangnya, kelangsungan majlis hari ini adalah hasil daripada titik peluh dan kerjasama dari anda semua.

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Latar Belakang CIDB

4. Izinkan saya untuk menceritakan sedikit mengenai latar belakang CIDB Malaysia. CIDB adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Akta 520) untuk membangunkan, mengawalselia, menguatkuasa dan melaksanakan tugas-tugas dan juga fungsi-fungsi yang berkaitan dengan industri pembinaan.
5. Di bawah kepimpinan KKR, CIDB bertanggungjawab untuk memajukan dan merangsang pembangunan, penambahbaikan dan perkembangan industri pembinaan. CIDB juga memainkan peranan sebagai penasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pihak-pihak berkepentingan yang lain mengenai perkara-perkara berkenaan dengan industri pembinaan.
6. Selain itu, CIDB juga dimandatkan untuk membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan. Sekaligus, membina industri pembinaan tempatan yang berdaya saing di persada dunia.
7. Pada tahun 2011, Akta 520 telah dipinda bagi memantapkan lagi peranan CIDB dalam menguatkuasakan kualiti dan keselamatan dalam industri pembinaan. Pindaan Akta 520 melibatkan 3 perkara utama iaitu;-

- Peningkatan kualiti pembinaan melalui pendaftaran personel binaan, pemerakuan kemahiran dan kompetensi;
- Jaminan kualiti bahan binaan melalui penetapan dan pematuhan kepada standard; dan
- Perletakan tanggungjawab ke atas kontraktor dan pengurus tapak untuk mengurus dan memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan semasa atau selepas kerja pembinaan.

Para hadirin sekalian,

Mengenai CITP

8. Sebagaimana kita sedia maklum, **Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 – 2020** merupakan sebahagian penting daripada Rancangan Malaysia yang Ke-11 atau RMK11, yang menetapkan sasaran-sasaran strategik untuk membangunkan industri pembinaan Malaysia menjadi sektor pembinaan bertaraf antarabangsa dan mampu bersaing di dalam industri tempatan dan arena antarabangsa.
9. Bagi mencapai matlamat ini, CITP telah menggariskan inisiatif-inisiatif penting di bawah empat teras strategik, iaitu:
 - a. Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme,
 - b. Kelestarian Alam Sekitar,
 - c. Produktiviti dan
 - d. Pengantarabangsaan.
10. Di bawah teras strategik Produktiviti khususnya, pelbagai inisiatif pemerksaan kemampuan dan kapasiti personel binaan telah dilaksanakan untuk mewujudkan lebih ramai tenaga mahir tempatan dalam sektor pembinaan, di samping meningkatkan produktiviti dan kebolehpasaran para pelatih khususnya di kalangan belia dan Bumiputera.
11. Terdapat pelbagai program yang sedang dan akan dilaksanakan. Program-program ini bukan sahaja menumpukan kepada pembangunan kontraktor

semata-mata, malah turut membantu dan memperkasakan penggiat industri pembinaan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan teknologi-teknologi baharu seperti *Industrialised Building System* (IBS) dan *Building Information Modelling* (BIM).

12. Selain itu, inisiatif-inisiatif di bawah teras strategik ini turut memberi fokus kepada pemerksaan kemampuan dan kapasiti usahawan binaan Bumiputera. Ianya bagi memastikan usahawan binaan Bumiputera akan terus berdaya saing dalam pasaran tempatan dan global, serta terlibat dalam projek-projek mega yang bernilai dan berimpak tinggi.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Pembukaan semula pendaftaran Kontraktor Gred G1 (Bumiputera)

13. Pada tahun 2005, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membekukan lesen Kontraktor Kelas F (kini dikenali Gred G1) melihat kepada lambakan kontraktor iaitu seramai 35,000 kontraktor. Selain pembekuan, beberapa syarat baharu juga telah diperkenalkan dan langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih ketat turut dilaksanakan. Ekoran daripada itu, bilangan kontraktor kerja berdaftar Kelas F telah menurun kepada 28,982 kontraktor.

14. Namun, pada 1 September 2019, Kerajaan telah bersetuju untuk membuka semula pendaftaran kontraktor G1 Bumiputera yang baharu bagi memberi peluang kepada generasi muda berkelayakan teknikal untuk menceburi industri pembinaan dan ianya dikendalikan oleh CIDB Malaysia.

15. Justeru itu, CIDB Malaysia dengan kerjasama MED, JKR dan MOF menganjurkan majlis ini bagi mewujudkan kontraktor-kontraktor G1 yang berdaya saing dan menggalakkan mereka meningkatkan keupayaan ke kelas yang lebih tinggi.

16. Majlis ini akan berlangsung selama 2 hari di mana sebentar lagi kita akan menyaksikan perasmian majlis, pengenalan program-program pembangunan

kontraktor serta taklimat-taklimat khas untuk para kontraktor, manakala cabutan undi untuk kerja kerajaan oleh Pejabat Daerah Langkawi pula akan diadakan pada hari kedua.

17. Diharapkan, taklimat serta penerangan yang diadakan pada hari ini, menjadi titik permulaan bagi melahirkan lebih ramai kontraktor Bumiputera yang lebih berdaya maju dan sentiasa bermotivasi untuk mempertingkatkan prestasi ke gred yang lebih tinggi.

Penutup

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita dan merasmikan majlis hari ini. Kehadiran YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin sememangnya mencerminkan komitmen KKR dalam menyokong usaha-usaha untuk membangunkan industri pembinaan.
19. Tidak lupa juga Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Jabatan Kerja Raya, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), serta Pejabat Daerah Langkawi di atas kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bagi untuk menjayakan acara hari ini.
20. Bagi para kontraktor Bumiputera yang hadir pada hari ini, tahniah atas kejayaan anda dalam memperoleh sijil-sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mahupun Sijil Taraf Bumiputra (STB). Saya berharap agar semua akan memanfaatkan segala peluang yang ada pada hari ini dan juga masa akan datang.
21. Semoga pembukaan semula pendaftaran Kontraktor Gred G1 (Bumiputera) ini menjadi pembakar semangat kepada semua untuk mempertingkatkan usaha ke arah merancakkan lagi industri pembinaan negara kita.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.